



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

**KERATAN AKHBAR  
24 Jun 2019 (ISNIN)**



DISEDIAKAN OLEH :  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	NASIHAT SULTAN SELANGOR
MUKA SURAT	26

Iskandar Shah Mohamed  
iskandar@hmetro.com.my

# Nasihat Sultan Selangor

■ Jemaah haji diminta tidak mudah sebar berita sebaliknya rujuk pengurusan

Shah Alam

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah meminta jemaah haji supaya tidak mudah menyebarkan berita dan ketidakpuasan hati mereka di media sosial sepanjang menjalani rukun Islam kelima itu.

Baginda bertitah, perbuatan itu hanya akan merumitkan lagi keadaan dan tidak menyelesaikan masalah.

"Beta mengucapkan syabas kepada Tabung Haji (TH) atas kesungguhan dalam memastikan kebajikan jemaah haji negara dan jika ada sebarang kekurangan, berbincanglah dengan pegawai Tabung Haji secara baik.

"Setiap tahun, perkhidmatan dan prasarana disediakan bertaraf dunia dan diiktiraf sebagai yang terbaik.

"Kita harus bersyukur dengan adanya sebuah badan yang menjaga kebajikan jemaah haji negara dan jika ada sebarang kekurangan, berbincanglah dengan pegawai Tabung Haji secara baik.

"Sentiasalah berhubung dengan pekerja-pekerja haji dan mengikut segala arahan yang dibuat oleh pihak Lembaga Tabung Haji," titah baginda ketika merasmikan Majlis Penyempurnaan Kursus Perdana Haji Peringkat Negeri Selangor di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif



SULTAN Sharafuddin berkenan bersalaman bakal haji pada Majlis Penyempurnaan Kursus Perdana Haji Peringkat Negeri Selangor di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Lembaga TH Datuk Seri Zukri Samat dan Pengarah TH negeri Mohd Nasir Mohd Yusoff.

Sultan Sharafuddin bertitah, jemaah haji Malaysia antara jemaah yang berdisiplin dan patuh kepada peraturan yang ditentukan oleh kerajaan Arab Saudi.

"Beta berharap jemaah haji terus mengekalkan disiplin diri ketika berada di tanah suci dan menjaga nama baik Selangor serta negara.

"Jemaah haji diharap menumpukan perhatian kepada ibadah dan bersabarlah atas segala dugaan yang mungkin akan dilalui terutama ketika

berada di padang Arafah, Muzdalifah dan Mina," titah baginda.

Baginda bertitah, haji adalah satu perjalanan yang memerlukan kekuatan fizikal, emosi dan ilmu pengetahuan mengenai ibadah haji yang jelas.

"Justeru, beta menasih-

kan sepanjang berada di Tanah Suci, bersihkan niat dan gunakan sepenuh masa serta tenaga untuk melaksanakan amal ibadah supaya beroleh haji mabrur.

"Jangan terlalu leka membuang masa dengan melakukan perkara tidak bermanfaat seperti berbual ko-

song, membeli-belah dan leka menggunakan telefon bimbit.

"Gunakan setiap waktu yang ada untuk memperbanyakkan ibadah dengan pergi ke masjid untuk berjemaah, perbanyakkan solat sunat, membaca al-Quran dan berzikir," titah baginda.

Sultan Sharafuddin bertitah, jemaah haji turut dinasihatkan menjaga kesihatan menerusi senaman ringan, rehat secukupnya dan mematuhi nasihat doktor dalam penjagaan kesihatan termasuk pemakanan ubat.

"Apabila tiba di Tanah Suci nanti, lipat gandakan penjagaan kesihatan dan jika ada masalah kesihatan, segeralah ke klinik Tabung Haji di Makkah atau Madinah untuk mendapatkan rawatan bagi mengelakkan ia berlarutan.

"Beta juga menyeru jemaah haji saling berganding bahu, tolong-menolong dan hormat menghormati antara satu sama lain. Elakkan daripada bertengkar dan melakukan perkara yang boleh menimbulkan kekecohan," titah baginda.

Kursus selama dua hari yang bermula kelmarin disertai seramai 5,500 bakal jemaah haji dari negeri ini dan mereka dijadualkan berangkat ke Tanah Suci bermula 4 Julai depan.



Untuk video layari  
www.hmetro.com.my/mymetrotv



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	RM 100 REWARD FOR INFO ON ILLEGAL DUMPING IN KUALA LANGAT
MUKA SURAT	4

# RM100 reward for info on illegal dumping in Kuala Langat

IN A bid to curb illegal dumping in Kuala Langat district, the local council is offering a RM100 cash reward for information that leads to the nabbing of fly-tipping culprits.

“The offer is open to all Malaysians who can provide photographs, location, vehicle registration number, date of incident and time when the illegal waste disposal activity was carried out,” said Kuala Langat District Council (MDKL) president Mohamad Zain A. Hamid.

The remuneration is only for information pertaining to heavy vehicles involving one-tonne trucks and above, he said.

The reward will be given after the offenders have been nabbed and paid the fine.

The whistleblower must fill out the form provided at the MDKL Solid Waste and Public Cleansing Management Unit and agree to be a witness in court if the case is brought to trial.

The offer is only open to Malaysians.

“The fact that illegal dumping is still rife reflects the public’s aware-



ness level in environmental cleanliness. MDKL is offering cash reward for information leading to the nabbing of fly-tipping culprits.

ness level in environmental cleanliness.

“Not only does it give a negative impression of our tourist areas, rubbish hotspots also carry very high risk of vector-borne diseases like leptospirosis, typhoid and chol-

era because of rats, flies and cockroach infestation,” said Mohamad Zain.

He added that fly-tipping culprits were a bane to those who strive hard to maintain a pollution-free environment.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	RUJUK TH JIKA TAK PUAS HATI
MUKA SURAT	11

# Rujuk TH jika tak puas hati

*Jemaah haji negara diingatkan agar tidak kongsi masalah di media sosial*

SHAH ALAM

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah mengingatkan jemaah haji supaya tidak menyebarkan berita dan ketidakpuasan hati terhadap pengurusan Lembaga Tabung Haji (TH) di media sosial.

Sultan Selangor bertitah perbuatan itu hanya akan rumitkan keadaan dan tidak akan menyelesaikan masalah yang dihadapi jemaah haji.

"Tuan-tuan dan puan-puan harus bersyukur dengan adanya sebuah badan seperti Tabung Haji yang menjaga kebajikan



Sultan Sharafuddin berkenan berangkat bagi menyempurnakan majlis penutup Kursus Perdana Haji 2019 Peringkat Selangor di Masjid Negeri semalam.

jemaah haji negara dan sekiranya ada sebarang kekurangan, berbincanglah dengan pegawai Tabung Haji secara baik.

"Jangan mudah menyebarkan berita dan ketidakpuasan hati di media sosial," titah baginda pada majlis penutup Kursus Perdana Haji 2019 peringkat Selangor di Masjid Negeri di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga TH, Datuk Seri Zukri Samat.

Sultan Selangor turut memuji TH di atas kesungguhan agensi itu dalam memastikan kebajikan jemaah haji negara sentiasa terpelihara.

"Setiap tahun, perkhidmat-

an dan prasarana yang disediakan bertaraf dunia dan diiktiraf sebagai yang terbaik," titah baginda.

Baginda menyeru jemaah haji supaya sentiasa berhubung dengan pekerja haji dan mengikut segala arahan yang dibuat oleh pihak Lembaga TH.

Sultan Selangor turut menasihatkan jemaah haji agar bersabar dengan segala dugaan yang mungkin akan dilalui terutama ketika berada di padang Arafah, Muzdalifah dan Mina.

"Haji adalah satu perjalanan yang memerlukan kekuatan fizikal, emosi dan ilmu pengetahuan tentang ibadat haji yang jelas.

"Justeru beta ingin menasihati tuan-tuan dan puan-puan untuk mempersiapkan diri sebaiknya, bersihkan niat dan gunakanlah sepenuh masa serta tenaga melaksanakan amal ibadah agar beroleh haji yang maburr," titah baginda. - *Bernama*



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	PEMILIK DIANCAM RUMAH RETAK
MUKA SURAT	20

# Pemilik diancam rumah retak

*Penduduk bimbang keselamatan terancam berpunca aktiviti korek pasir*

NORAFIZA JAAFAR

KUNDANG

**A**ktiviti mengorek pasir bagi projek kolam tebatan banjir di Desa Puteri di sini semakin membimbangkan susulan terdapat aduan keretakan rumah penduduk.

Pengerusi Persatuan Penduduk Desa Puteri, Joseph Anak Janting berkata, penduduk tidak menghalang projek kolam tebatan banjir berkenaan namun aktiviti menyedut pasir yang semakin aktif sejak kebelakangan ini menimbulkan persoalan keselamatan.

Menurutnya, pihak penduduk berharap supaya semua pi-



Joseph menunjukkan lokasi tapak projek.

hak terlibat dapat tampil memberikan taklimat status projek dan keadaan kondisi tanah.

“Pasir yang dikorek kini sudah membukit jadi penduduk ingin tahu akan kondisi bawah tanah, adakah aktiviti pengorekan pasir itu selamat dan tidak akan menyebabkan hakisan sehingga memberi risiko kepada penduduk.

“Kedua, saya harap aktiviti pengorekan pasir ini dipantau. Sudah ada pemasangan papan tanda bagi proses jual beli pasir di sini, ia menyebabkan banyak lori keluar masuk ke kawasan perumahan penduduk,” katanya pada sesi taklimat bersama kontraktor tapak di perkarangan Surau Al-Hidayah di sini kelmarin.



Sempadan antara tapak projek dengan perumahan penduduk.

Katanya, penduduk juga mahu jaminan keselamatan daripada pihak berwajib susulan lokasi projek bersebelahan rumah penduduk.

“Jika lihat pada spesifikasi dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan Selangor (JPS) dan kontraktor mematuhi standard tetapi apa jaminan jika memberikan kesan kepada penduduk pihak mana

yang akan bertanggungjawab.

“Kami minta aspek keselamatan ini dikaji semula secara menyeluruh termasuk kondisi tanah di Desa Puteri sama ada sesuai untuk projek mengorek pasir ini teruskan,” katanya.

Desa Puteri mempunyai 2,000 penduduk melibatkan 447 unit rumah termasuk rumah bertingkat dan teres.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	TAKIN KEPIMPINAN AMIRUDIN
MUKA SURAT	33

# Yakin kepemimpinan Amirudin

*Mampu bawa lebih banyak pelaburan ke Selangor*

AZIE YAHAYA

KLANG

**K**omitmen dan dedikasi Menteri Besar, Amirudin Shari menarik pelabur serta merekodkan jumlah perdagangan tertinggi terus dipuji.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Kandis, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, sejak menerajui Kerajaan Selangor Amirudin mem-

bawa peningkatan ketara dalam pelaburan dan kini pemimpin itu berada di Paris untuk beberapa rundingan urusan niaga pelaburan membabitkan negeri ini.

“Saya yakin beliau akan meneruskan pembangunan serta kemajuan demi rakyat di negeri ini,” katanya kepada media sempena Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Sungai Kandis di Dewan sekolah Agama Menengah Tinggi Sultan Hishamudin di sini semalam.

Hadir sama, Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim, ADUN Pandamaran, Leong Tuck Chee; ADUN Sentosa, G Gunarajah dan Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Shamsul Amar Ramli.



Mohd Zawawi (duduk dua dari kanan) bersama tetamu pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Sungai Kandis semalam.

Selain itu katanya, penyusunan semula program penjawatan Insentif Peduli Rakyat (IPR) yang dilaksanakan Amirudin adalah satu usaha murni bagi

memastikan golongan miskin mendapat pembelaan sewajarnya.

• “Masyarakat di Selangor sudah selesai dengan pentadbiran

Pakatan Harapan (PH). Jadi pendekatan ini dilihat dapat mendekatkan jurang antara kaya dan miskin.

“Kita yakin beliau akan terus memimpin Selangor ke arah lebih maju,” katanya.

Mengulas mengenai program itu, beliau berkata, sambal tahun kulit lembu menjadi menu istimewa di rumah terbuka berkenaan selain masakan Jawa dan kek tapai keju.

Tambah Mohd Zawawi, lebih 3,000 penduduk di kawasan itu hadir memeriahkan sambutan yang bermula jam 11 pagi.

Pelbagai jenis juadah tradisi lain seperti ketupat, lemang, rendang, sate, roti canai dan aneka mi disediakan kepada tetamu sempena rumah terbuka itu.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	TIADA LESEN JIKA GAGAL SEDIA TONG SAMPAH
MUKA SURAT	33

## Tiada lesen jika gagal sedia tong sampah



Gunarajah (dua dari kiri) menunjukkan poster Kempen Clean And Green yang dilancarkan bagi memberi pendedahan kepada penduduk mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

KLANG – Ketiadaan tong sampah menjadi punca masalah kebersihan di premis komersial dan kediaman di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sentosa.

Sampah bersepah dan terbiar dibimbangi mengakibatkan wabak denggi.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sentosa, G Gunarajah berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dalam isu berkaitan dan tindakan akan diambil terhadap pihak yang mengabaikannya.

“Kita sudah mengenal pasti beberapa kawasan utama di DUN Sentosa yang menjadi punca masalah itu. Kerjasama dengan Majlis Perbandaran Klang (MPK) turut dilakukan,” katanya

kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, tabiat penduduk yang suka membuang sampah di merata tempat menjadikan kawasan terbabit kotor dan menjadi punca pembiakan nyamuk.

“Kita tidak boleh menyalahkan penduduk kerana ketiadaan tong sampah di rumah mereka tetapi tabiat suka membuang sampah di tempat yang tidak sepatutnya menjadikan kawasan ini kotor.

“Perbincangan bersama MPK menetapkan lesen untuk premis perniagaan tidak akan dikeluarkan jika pemiliknya gagal menyediakan tong sampah,” katanya.

Gunarajah memberitahu

pihaknya akan membantu dan memainkan peranan dalam usaha menangani masalah itu.

Ujarnya, Kempen ‘Clean And Green’ yang dilancarkan pada April lalu memberi pendedahan kepada penduduk mengenai kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar.

“Selain itu, beberapa aktiviti membabitkan penduduk di kawasan itu sudah dilaksanakan bagi memberi inspirasi kepada mereka untuk menjaga mesra alam.

“Kami juga memberi kesedaran dan memberikan tunjuk ajar kepada kanak-kanak serta pelajar untuk menanam pokok bagi mengekalkan keceriaan alam,” katanya.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	MASALAH TEBING RUNTUH SELESAI
MUKA SURAT	33

## Masalah tebing runtuh selesai

**PELABUHAN KLANG** – Penghuni rumah kos rendah Pangsapuri Taman Permai Indah di sini lega apabila masalah hakisan tanah dan tebing runtuh yang berlaku sejak dua bulan lalu selesai.

Penduduk yang ingin dikenali sebagai Hairi mendakwa masalah itu berpunca daripada projek tebatan banjir berhampiran pangsapuri terbabit menyebabkan struktur tanah terjejas.

"Kami bimbang jika

runtuhan semakin serius kerana tanah mendap itu berlaku hanya kira-kira 50 meter dari kawasan perumahan ini," katanya.

Bagaimanapun katanya, pihak kontraktor membaik pulih kerosakan itu selepas laporan di akhbar.

Menurutnya, tindakan pantas pihak berkenaan sewajarnya dipuji kerana mementingkan keselamatan penduduk.

Katanya, penduduk juga mahu kerja-kerja itu dilakukan dengan baik bagi mengelakkan kejadian sama.

"Kita bukan menolak pembangunan tetapi isu keselamatan penduduk berhampiran juga perlu diambil berat. Selepas ini kita harap kejadian ini tidak berulang," katanya.

Sebelum ini *Sinar Harian* melaporkan kebimbangan kira-kira 1,000 penghuni pangsapuri terbabit yang berdepan masalah hakisan tanah dan tebing runtuh.

Mereka mendakwa tiada tindakan selepas aduan diajukan kepada pihak berkaitan.



Tanah runtuh menjejaskan keselamatan penduduk di pangsapuri berdekakatan.



Runtuhan tebing yang sudah dibaik pulih oleh kontraktor terlibat.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	LEBIH MUDAH HANTAR SURAT
MUKA SURAT	35

# Lebih mudah hantar surat

**Sebanyak 4,997 premis akan miliki alamat lengkap bawah projek AFA**

MOHD RIDZUAN  
ABU HASSAN

KUALA KUBU BHARU

Premis termasuk rumah kediaman serahan mel menggunakan poskod 44000 yang sebelum ini tidak mempunyai nombor alamat bakal menerima alamat lengkap di bawah projek Alamat Untuk Semua (AFA).

ADUN Kuala Kubu

Bharu, Lee Kee Hiong berkata, khabar gembira itu dimaklumkan Pos Malaysia ketika mengunjungi beliau di pejabatnya Rabu lalu.

Menurutnya, serahan mel 44000 Kuala Kubu Bharu menjadi kawasan pertama bagi pelaksanaan projek AFA di negeri ini melibatkan 4,997 premis di 54 penempatan.

"Sebelum ini premis berkenaan masing-masing tiada nombor rumah dan penghantaran surat akan diserahkan ke satu tempat yang kebiasaannya alamat menggunakan nombor lot.

"Surat memang ada nama penerima (penduduk) tapi berkongsi alamat yang sama dan bila Pos Malaysia hantar surat, me-



Kee Hiong (tengah) bersama kakitangan Pos Malaysia yang mengunjungi beliau bagi memberikan penerangan mengenai pelaksanaan AFA di Kuala Kubu Bharu baru-baru ini.

reka perlu pergi ke alamat lot berkenaan untuk dapatkan surat masing-masing.

"Selain penduduk, situasi itu menyebabkan kesu-

litan kepada penghantar surat terutama yang baru bekerja maka dengan pelaksanaan projek AFA, masalah ini akan selesai,"

katanya kepada *Sinar Harian*.

Kee Hiong berkata, Pos Malaysia dijangka akan memasang nombor ala-

mat yang lengkap di premis terlibat menjelang September nanti.

Menurutnya, inisiatif tersebut mendapat reaksi baik daripada penduduk apabila mempermudah urusan penghantaran surat atau bungkusan barangan secara terus ke rumah mereka.

"Ini bermakna semua premis bagi kawasan serahan mel 44000 Kuala Kubu Bharu akan mempunyai alamat yang lengkap, seiring dengan kemajuan dan pembangunan selepas projek AFA.

"Nombor alamat akan diletakkan selepas mendapat persetujuan pemilik kerana seperti orang Cina, mereka tidak suka nombor empat," katanya.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	PERTANIAN PINTAR BAHAN ORGANIK
MUKA SURAT	36

# Pertanian pintar bahan organik

**Mampu menghasilkan produk pertanian bermutu tinggi**

AHMAD ISMADI ISMAIL

PANDAN INDAH

**K**erajaan Negeri Selangor bakal melaksanakan pertanian pintar di Pandan Jaya dalam tempoh terdekat.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemanduan Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Selangor, Ir Izham Hashim berkata, konsep pertanian itu menggunakan teknolo-

gi moden dan aplikasi untuk pemantauan penggunaan baja serta air.

Menurutnya, projek melibatkan tanaman eksotik melon dan penternakan ikan itu mampu menghasilkan produk pertanian bermutu dan bernilai tinggi.

“Konsep pertanian pintar ini juga menggunakan kaedah lestari iaitu bahan organik. Kita tidak membenarkan penggunaan racun dalam pertanian pintar ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar Majlis Rumah Terbuka Dewan Undangan Negeri (DUN) Pandan Indah di sini semalam.

Izham berkata, pertanian pintar itu bakal menjadi contoh di tempat lain jika

info

**Konsep pertanian pintar yang bakal dilaksanakan guna kaedah lestari iaitu bahan organik**

berjaya dilaksanakan dalam tempoh enam bulan.

“Saya difahamkan konsep pertanian pintar ini merupakan julung kali dilaksanakan di negara ini,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya kini dalam peringkat akhir dalam pelaksanaan modul pertanian pintar itu.

“Saya yakin pembinaan pertanian pintar akan dilaksanakan Ogos ini dan akan siap sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan,” katanya.



Izham (tiga dari kanan) beramah mesra dengan tetamu yang menghadiri Majlis Rumah Terbuka DUN Pandan Indah semalam.



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	DIHEMPAP POKOK JATUH DARI 'LANGIT'
MUKA SURAT	46,47



## Dihempap pokok jatuh dari 'langit'

Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDDIN  
kota@utusangroup.com.my

■ GOMBAK 23 JUN

**R**UMAH kami berkecai umpama kaca, tiada lagi tempat untuk kami sekeluarga berteduh."

Demikian rintihan pasangan warga emas bersama tiga anaknya apabila rumah yang didiami mereka di Lorong Cempaka, Taman Sri Gombak Indah, Batu Caves di sini, dihempap pokok dalam kejadian 16 Jun lalu.

Mangsa, Kamaruddin Ismail, 70, berkata, dalam kejadian tersebut, sebatang pokok yang tumbuh di atas puncak bukit batu kapur di belakang rumahnya tumbang lalu jatuh tepat menimpa kediamannya.

Kejadian pada pukul 9 malam itu berlaku ketika dia berada di dalam tandas sementara isteri dan anak kurang upaya mereka berada di ruang tamu.

Katanya, dia dan isteri, Faridah Hashim, 60, serta anak mereka, Mohd. Aniza Kamaruddin, 41, dikejutkan dengan bunyi kuat yang disusuli dengan runtutan struktur rumah.

"Saya terperangkap dalam tandas hanya mendengar jeritan isteri yang kesakitan meminta tolong. Syukur kami selamat.

"Saya mengambil masa kira-kira setengah jam untuk keluar melalui dinding yang runtuh dengan bantuan penduduk kampung.

"Isteri dan anak saya pula berjaya dibawa keluar kira-kira 40 minit kemudian.

"Saya dan anak hanya mengalami cedera ringan tapi isteri



KEDIAMAN Kamaruddin Ismail yang musnah ditimpa pokok yang jatuh dari puncak bukit batu kapur di belakang rumahnya di Kampung Sri Gombak Indah Batu Caves, Selangor. - UTUSAN/AZLINA OTHMAN

cedera pada bahagian belakang leher akibat terkena runtutan struktur rumah," katanya ditemui di rumahnya di sini, baru-baru ini.

Kamaruddin yang merupakan pesara polis menyifatkan mereka sekeluarga sangat bertuah kerana masih terselamat dalam kejadian yang sangat dahsyat itu.

"Kejadian ini meranapkan hampir 100 peratus rumah kami dengan kerugian kira-kira RM50,000. Buat masa ini, saya dan keluarga diberi kebenaran



KAMARUDDIN ISMAIL

untuk tinggal di Dewan orang ramai yang terletak berhampiran.

"Kami juga menerima bantuan awal berupa keperluan makanan asas dan wang tunai daripada Jabatan kebajikan masyarakat (JKM)," katanya.

Kamaruddin berkata, buat masa ini beliau masih lagi 'hilang punca' untuk membina semula kediaman yang didiami sejak 30 tahun lalu.

"Kos untuk membina semula sebuah rumah bukan murah



ABDUL WAHID bersama ayahnya, Kamarudin Ismail mengutip semula barang dan kelengkapan rumahnya yang musnah dihempap pokok di Kampung Sri Gombak Indah, Batu Caves, Selangor.

dan kami benar-benar mengharap bantuan pelbagai pihak," katanya.

Orang ramai yang bersympati dengan nasib keluarga ini dan ingin menghulurkan bantuan boleh berbuat demikian menerusi nombor akaun CIMB 14140089070525 (Kamaruddin Ismail) atau menghubungi anaknya, Abdul Wahid Kamaruddin di talian 017-666 7086.



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	JEMAAH HAJI USAH SEBAR BERITA TIDAK BENAR
MUKA SURAT	3

## Jemaah haji usah sebar berita tidak benar

**SHAH ALAM 23 Jun** - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mengingatkan jemaah haji supaya tidak menyebarkan berita tidak benar atau meluahkan ketidakpuasan hati terhadap pengurusan Lembaga Tabung Haji dalam media sosial.

Titah baginda, perbuatan itu hanya akan merumitkan keadaan dan tidak akan menyelesaikan masalah yang dihadapi jemaah haji.

“Para jemaah harus bersyukur dengan adanya badan seperti Tabung Haji yang menjaga kebajikan jemaah haji negara dan sekiranya ada sebarang kekurangan, berbincanglah dengan pegawai-pegawai Tabung Haji secara baik,” titah baginda.

Sultan Sharafuddin bertitah demikian ketika merasmikan Kursus Perdana Haji Peringkat Selangor di sini hari ini.

Yang hadir sama Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji, Datuk Seri Zukri Samat dan seramai 5,500 jemaah haji Selangor menyertai kursus tersebut.

Dalam pada itu, Sultan Sharafuddin mahu jemaah haji mengekalkan disiplin diri semasa berada di Tanah Suci bagi menjaga nama baik Malaysia dengan mengikut semua peraturan yang ditetapkan kerajaan Arab Saudi.

Baginda bertitah, setiap jemaah perlu bersabar atas

UTUSAN - m/s-3

“Sepanjang berada di Tanah Suci, bersihkan niat dan gunakanlah sepenuh masa serta tenaga untuk melaksanakan amal ibadah agar beroleh haji yang mabrur.”

**SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH**

segala dugaan serta kepayahan yang mungkin dilalui terutamanya ketika berada di Padang Arafah, Muzdalifah dan Mina.

“Haji adalah satu perjalanan yang memerlukan kekuatan fizikal, emosi dan ilmu pengetahuan tentang ibadat haji yang jelas. Justeru, Beta ingin menasihati semua jemaah untuk mempersiapkan diri dengan sebaik-baiknya.

“Sepanjang berada di Tanah Suci, bersihkan niat dan gunakanlah sepenuh masa serta tenaga untuk melaksanakan amal ibadah agar beroleh haji yang mabrur.

“Jangan terlalu leka membuang masa dengan melakukan perkara tidak bermanfaat seperti berbual kosong, membeli-belah dan leka menggunakan telefon bimbit,” titah baginda.